

**JAWAPAN YB MENTERI MITI BAGI SOALAN YANG
DIKEMUKAKAN DI PARLIMEN BERKAITAN TPP PADA
27/06/2013**

Tuan Yang Di Pertua,

Oleh kerana soalan-soalan yang dikemukakan oleh YB Klang adalah berkaitan dengan isu-isu Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPP), izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan 16 soalan-soalan lisan lain yang telah dikemukakan oleh Ahli-Ahli YB. iaitu 1 soalan YB. Lembah Pantai pada 27.6.2013, 1 soalan YB. Kelana Jaya 1.7.2013, 1 soalan YB. Telok Kemang 2.7.2013, 1 soalan YB. Jasin 3.7.2013, 4 soalan YB. Pokok Sena, Klang, Jelutong dan Sungai Siput 4.7.2013, 1 soalan YB. Bayan Baru 8.7.2013, 1 soalan YB. Selayang 9.7.2013, 1 soalan YB. Kelana Jaya 10.7.2013, 3 soalan YB. Sungai Petani, Klang dan Kelana Jaya 11.7.2013 dan 2 soalan YB. Kuala Selangor dan Kelana Jaya 17.7.2013,

In adalah kerana soalan-soalan Ahli-Ahli Parlimen tersebut menyentuh tema-tema yang sama iaitu:

- 1) Impak TPP keatas negara;
- 2) *Investor-State Dispute Settlement (ISDS)* dan impaknya keatas kedaulatan Negara;

- 3) Hak Harta Intelek dan impaknya kepada harga kos barangan dan perkhidmatan perubatan dan barangan lain berasaskan Harta Intelek;
- 4) Kesan TPP ke atas Enterpris Kecil dan Sederhana (EKS);
- 5) Peranan Parlimen dalam proses rundingan;
- 6) Kajian Kemungkinan dan Impak;
- 7) Isu Kerahsiaan.

Tuan Yang Di Pertua,

Sebelum saya menjawab soalan-soalan yang telah dikemukakan, izinkan saya sedikit masa untuk memberi penjelasan mengenai Perjanjian Perdagangan Bebas atau Free Trade Agreement (FTA), dan rasional disebalik penglibatan Malaysia dalam FTA.

FTA merupakan satu perjanjian antara dua atau lebih negara yang menyediakan:

- *Akses pasaran melalui layanan keutamaan tariff bagi barangan, dan pembukaan pasaran perkhidmatan;*
- *Peluang pelaburan melalui liberalisasi, fasilitasi dan perlindungan pelabur;*
- *Bina upaya melalui kerjasama ekonomi dan teknikal.*

Skop FTA pada kebiasaan merangkumi elemen-elemen seperti:

- ***Akses Pasaran bagi barangan dan perkhidmatan;***
- ***Mempermudahkan perdagangan melalui peraturan teknikal, sanitari dan faitosnitari, dan kerjasama dalam kastam;***
- ***Fasilitasi dan perlindungan pelabur; dan***
- ***Kerjasama teknikal dan ekonomi.***

Tuan Yang Di Pertua,

Sejarah membuktikan bahawa liberalisasi perdagangan memberi manfaat kepada negara-negara membangun.

Sebagai contoh, China menjadi ahli WTO pada 11 Disember 2001. Selaras dengan proses liberalisasi di bawah WTO, China mengurangkan tariff keatas lebih 7000 barangan, mengurangkan kuota dan juga halangan perdagangan lain. China telah menikmati kadar pertumbuhan yang amat pesat. Kini, China merupakan ekonomi kedua terbesar dunia dengan nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kini melebihi AS 6.3 trillion bagi 2010 berbanding AS 1.5 trillion pada 2001.

Perdagangan luar China semakin berkembang dan telah menjadi negara pengeport terbesar dunia dan negara pengimport kedua terbesar dunia bagi 2011.

Vietnam menyertai WTO pada 11 Januari 2007. Selepas 5 tahun menyertai WTO, Vietnam telah memperolehi pencapaian ekonomi yang amat memberangsangkan. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Vietnam mencecah USD120 bilion pada tahun 2011 berbanding USD53 bilion pada tahun 2006 (sebelum Vietnam menjadi ahli WTO).

Tuan Yang Di Pertua,

Sebelum Malaysia melibatkan diri di dalam rundingan TPP, Malaysia telah pun melaksanakan beberapa Perjanjian Perdagangan Bebas atau FTA dengan negara-negara lain seperti negara-negara ASEAN, China, Jepun, India, Pakistan, Republik Korea, Australia, Chile dan New Zealand. Perdagangan Malaysia telah meningkat sebanyak tujuh kali ganda dengan pelaksanaan FTA-FTA ini. Nilai pelaburan asing juga telah meningkat sebanyak tiga kali ganda.

TPP ini bukan sahaja akan membolehkan Malaysia terus memainkan peranan penting dalam proses integrasi ekonomi yang sedang berlaku dengan pesat di rantau Asia Pasifik, tetapi juga membolehkan Malaysia untuk memperluaskan akses pasaran melalui layanan keutamaan

tarif FTA yang akan merangkumi rakan dagang yang penting seperti Amerika Syarikat dan pasaran-pasaran seperti Kanada, Mexico.

Anggota-anggota TPP mempunyai 800 juta penduduk dengan keluaran US 28 trillion. Ini jauh melebihi pasaran domestik negara dengan jumlah penduduk 29.5 juta orang dan KDNK.

Sebahagian besar daripada produk-produk keluaran negara kini telah menepati standard antarabangsa dan mampu bersaing di peringkat global. Dengan TPP, ini akan memberi lagi kelebihan kepada eksport Malaysia dan pada masa yang sama menyediakan peluang-peluang pelaburan bagi syarikat-syarikat Malaysia.

Dalam jangka masa panjang, rakyat akan menikmati kos produk-produk yang lebih rendah sementara pengeluar-pengeluar tempatan akan menikmati kos bahan mentah dan produk-produk perantaraan yang lebih rendah. TPP akan juga memastikan Malaysia terus dipilih sebagai pusat pengeluaran dan destinasi pelaburan yang penting di rantau Asia Pasifik dan dunia.

Tuan Yang Di Pertua,

Izinkan saya menggunakan kesempatan ini juga untuk memperbetulkan persepsi umum yang mengandaikan bahawa tidak terdapat konsultasi yang sewajarnya dalam proses rundingan.

Antara persepsi yang timbul adalah bahawa rundingan TPP diadakan secara sulit dan keengganan MITI mendedahkan teks perjanjian telah menghadkan keupayaan Kerajaan untuk mengadakan konsultasi dengan pihak-pihak yang berkepentingan.

Perundingan melibatkan wakil Kerajaan dengan Kerajaan asing. Dalam mana-mana rundingan, cadangan serta pendirian sesuatu Negara akan diketengah dan dirundingkan bagi mencapai suatu penyelesaian. Penyelesaian ini dibentuk melalui kata sepakat atau pun kompromi. Proses ini yang memerlukan komitmen dari semua pihak untuk memastikan kerahsiaan sesuatu pendirian tersebut terjamin. Justeru Malaysia mempunyai tanggungjawab untuk memastikan teks perjanjian serta pendirian setiap Negara perunding tidak terkeluar dari meja rundingan.

Rundingan TPP melibatkan pendirian negara masing-masing, oleh yang demikian undang-undang kerahsiaan negara juga perlu dihormati, selain dari '*confidentiality agreement*' yang telah ditandatangani.

Sungguhpun kita tertakluk kepada soal kerahsiaan, ini tidak pernah menghalang Kerajaan mengambil langkah proaktif untuk mengadakan konsultasi dengan pihak-pihak berkepentingan sebelum dan selepas setiap pusingan rundingan TPP. Yang tidak boleh didedahkan ialah text, tetapi pendirian Malaysia memang dibincang dengan pihak berkepentingan.

Konsultasi bersama Kementerian/Jabatan, majlis perniagaan tempatan dan badan bukan kerajaan diadakan setiap kali Malaysia menerima cadangan teks rundingan yang baru atau terdapat isu-isu yang dikenal pasti yang memerlukan pandangan lebih menyeluruh.

Dalam konsultasi dengan pihak-pihak berkenaan, kerajaan berkongsi bersama dengan mereka pendirian yang akan diambil Malaysia terhadap isu-isu yang dirundingkan.

Antara badan bukan kerajaan yang pernah menyertai konsultasi adalah:

- 1. Dewan-Dewan Perniagaan**
- 2. Majlis Tindakan Ekonomi Melayu**
- 3. Majlis AIDS Malaysia**
- 4. Breast Cancer Welfare Association**
- 5. National Cancer Society Malaysia**
- 6. Malaysian Thoracic Society**
- 7. Malaysian Mental Health Association**
- 8. Consumer's Association of Penang (CAP)**
- 9. Third World Network (TWN)**
- 10. myPLUS**
- 11. SUARAM**
- 12. PAN AP**
- 13. Sahabat Alam Malaysia**
- 14. MTAAG+**
- 15. PT Foundation**
- 16. JERIT**
- 17. MTUC**
- 18. Parti Sosialis Malaysia**
- 19. SUHAKAM**

Pihak Kerajaan juga tidak pernah menolak mana-mana permintaan untuk mengadakan konsultasi mengenai TPP atau mana-mana FTA yang telah dirundingkan sebelum ini

malahan konsultasi bagi TPP ini adalah yang paling menyeluruh berbanding dengan lain-lain FTA terdahulu.

Konsultasi dengan pelbagai pihak yang berkepentingan telah juga mendedahkan keperluan yang semakin meningkat oleh syarikat-syarikat Malaysia sendiri untuk pasaran yang lebih terbuka dan langkah-langkah fasilitasi yang lebih memudahkan perdagangan. Bilangan syarikat-syarikat Malaysia yang telah menjadi pelabur global semakin banyak dan mereka memerlukan tahap ketelusan dan pelaburan mereka terpelihara.

Konsultasi ini telah dipergiatkan di mana pasukan perunding juga menyertai forum anjuran NGOs untuk mengurangkan jurang kefahaman isu-isu TPP. Antara Konsultasi yang telah diadakan termasuk dengan Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM), CAP dan ahli-ahli dari pihak pembangkang.

Izinkan saya menyentuh setiap isu yang juga telah dibangkitkan dalam soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli-Ahli Parlimen.

Tuan Yang Di Pertua,

Beberapa Ahli Parlimen telah membangkitkan mengenai isu pelaburan, terutamanya isu *Investor-State Dispute Settlement* (ISDS), dengan izin, dan impaknya keatas kedaulatan Negara.

Sebagai makluman, Bab Pelaburan dalam TPP tidak menghadkan hak Kerajaan untuk mengawal-selia atau mengambil langkah-langkah yang perlu bagi melindungi kedaulatan negara. Tiada peruntukan dalam Bab Pelaburan TPP, termasuk peruntukan ISDS yang boleh menghalang Kerajaan daripada menggunakan, mengekalkan atau menguatkuasakan langkah-langkah / dasar-dasar domestik untuk melindungi kepentingan Negara.

Malaysia sebelum ini telah pun menandatangani 74 perjanjian perlindungan pelaburan yang mengandungi peruntukan yang sama seperti ISDS. Dengan adanya perlindungan pelaburan ini, Malaysia telah dapat menarik masuk lebih ramai pelabur asing untuk melabur di dalam negara. Sehingga kini, hanya dua kes diambil terhadap Malaysia di bawah ISDS.

Peruntukan ISDS bukan hanya memberi manfaat kepada syarikat asing, ia juga memberi manfaat kepada syarikat-

syarikat Malaysia dari segi memberi perlindungan keatas pelaburan mereka di luar negara. Sehingga kini, dua syarikat Malaysia yang melabur di luar negara telah menggunakan peruntukan ISDS dengan jayanya.

Di samping itu, sebelum ISDS boleh dilaksanakan, pihak yang berkepentingan perlu melalui beberapa proses sebelum sesuatu tuntutan boleh dibawa ke tribunal antarabangsa. Oleh yang demikian ISDS tidak boleh digunakan dengan sewenang-wenangnya.

Sebenarnya, ISDS dilihat sebagai satu instrumen penting untuk menarik pelaburan. Mengikut Laporan Bank Dunia 2012-2013, Malaysia telah diletakkan sebagai negara ke-4 teratas di dunia dalam memberikan perlindungan kepada pelabur.

Tuan Yang Di Pertua,

Ahli-Ahli Parlimen telah juga membangkitkan isu mengenai apa-apa pengecualian yang sedang dirundingkan dan/atau yang telah dipersetujui untuk dilepaskan (perkara seperti pemindahan teknologi dan pengetahuan serta kuota pekerja tempatan) daripada komitmen dibawah Bab Pelaburan TPP.

Ingin dimaklumkan bahawa rundingan masih diteruskan dan tidak ada perkara yang akan dilepaskan sekiranya ianya penting bagi negara untuk tujuan pembangunan selari dengan dasar Kerajaan sedia ada.

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi bidang IPR, isu-isu utama adalah tertumpu kepada akses kepada ubat-ubatan dan penjagaan kesihatan mampu dimiliki dan perlindungan hakcipta jangka panjang. Ingin ditegaskan disini bahawa tiada perkara yang telah dipersetujui sehingga kini.

Pihak Kerajaan telah menyatakan pendirian serta mengemukakan bantahan yang tegas terhadap cadangan-cadangan yang boleh melambatkan kemasukan ubat generik ke pasaran tempatan dan menyebabkan kos yang tinggi dalam harga ubat-ubatan. Kerajaan tetap berpegang kepada pendirian ini.

Dalam hal ini, Malaysia tidak bersendirian. Malaysia sedang bekerjasama dengan ahli-ahli TPP yang lain untuk mencapai hasil rundingan yang akan mengimbangi antara keperluan yang berterusan untuk akses kepada ubat-

ubatan dan penjagaan kesihatan yang mampu dimiliki serta insentif yang mencukupi bagi syarikat-syarikat farmaseutikal untuk terus menghasilkan produk-produk baru dan berinovasi.

Tuan Yang Di Pertua,

Ahli-Ahli Parlimen juga telah menimbulkan kebimbangan mereka terhadap impak perjanjian TPP ke atas Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Malaysia. Saya ingin menegaskan bahawa pihak Kerajaan telah mengambil maklum akan kebimbangan syarikat-syarikat Bumiputera dimana kebanyakan merupakan syarikat IKS.

Berhubung dengan IKS, TPP telah mengambil pendekatan memastikan kepentingan IKS diambilkira dalam semua bidang yang dirundingkan. Dalam pada itu, TPP merupakan Perjanjian Perdagangan Bebas yang pertama di dunia yang memberi penekanan dan perhatian kepada IKS dengan mengadakan satu Bab khusus mengenai IKS.

Bab khusus mengenai IKS dimasukkan untuk menangani isu-isu semasa yang dihadapi IKS seperti:

- kekurangan maklumat mengenai peluang perniagaan di negara lain;

- pembinaan kapasiti untuk membantu membangunkan dan meningkatkan program-program kaunseling, bantuan dan latihan eksport bagi IKS; dan
- membantu dalam menyelaraskan program-program pembangunan untuk membantu IKS menyertai rantai bekalan global.

Kerajaan mengambil maklum bahawa IKS memberikan sumbangan besar kepada ekonomi dan perdagangan Malaysia dan perlu diberikan perlindungan yang sewajarnya. Barangan yang diklasifikasikan sebagai “sensitif”, penghapusan tarif akan dibuat dalam tempoh masa yang lebih panjang. Antara barangan tersebut adalah perabot, plastik, getah dan komponen E&E.

Dalam Bab Perolehan Kerajaan, terdapat satu obligasi khusus berkaitan kemudahan penyertaan IKS dalam pasaran perolehan Kerajaan. Obligasi tersebut menjamin kepentingan IKS tidak diabaikan.

Selain itu, dalam rundingan TPP, Kerajaan juga mengambil pendekatan untuk mengecualikan pasaran perolehan Kerajaan yang dikhaskan kepada IKS tempatan daripada dibuka untuk ditawarkan kepada IKS rakan runding TPP.

Dengan wujudnya pasaran yang lebih luas bagi produk-produk Malaysia termasuk produk-produk IKS dengan negara-negara TPP ianya akan memberi peluang kepada IKS untuk memasarkan produk-produk mereka kepada syarikat-syarikat asing dalam rangkaian pembekalan global. Ini secara tidak langsung, akan menjadikan IKS lebih berdaya saing.

Tuan Yang Di Pertua,

Beberapa Ahli Parlimen telah memohon untuk perjanjian TPP dibahaskan dan dipersetujui oleh Parlimen sebelum ia ditandatangani. Melalui konsultansi yang diadakan termasuk dengan Ahli-Ahli Parlimen. Kerajaan berpendapat perlaksanaan dalam Parlimen dan input yang dikutip dari pelbagai pihak memadai untuk membolehkan Kerajaan mendapat input daripada pelbagai pihak.

Tuan Yang Di Pertua,

Berkenaan soalan-soalan yang ditimbulkan mengenai Kajian Impak, ingin dimaklumkan bahawa sebelum sebarang keputusan dibuat oleh Kerajaan untuk menyertai sebarang rundingan ataupun bagi rundingan FTA yang sedang berlangsung, analisis kos faedah (*Cost Benefit*

Analysis), dengan izin, atau CBA akan dilaksanakan. Proses CBA akan dilaksanakan oleh Malaysia bergantung kepada keperluan semasa atau sekiranya Malaysia menerima pelawaan untuk mengadakan FTA dengan negara rakan dagang.

Dalam menjalankan analisis CBA, Kerajaan akan mengadakan konsultasi dengan pelbagai pihak dan mengambilkira pandangan daripada pihak berkepentingan sebelum keputusan untuk memulakan rundingan dibuat.

Sebelum keputusan menyertai rundingan Perkongsian Trans-Pasifik (TPP), Kerajaan telah mendapatkan khidmat *United Nations Development Programme* (UNDP) untuk melaksanakan kajian kemungkinan yang komprehensif mengenai kesan impak kepada negara daripada penglibatan Malaysia di dalam TPP. Kajian kemungkinan tersebut meliputi konsultasi dengan pihak-pihak berkepentingan seperti persatuan-persatuan perdagangan, Kementerian/Jabatan dan badan bukan kerajaan yang dijalankan oleh UNDP sendiri.

Namun begitu, hasil kajian UNDP tersebut tidak dikongsi secara umum memandangkan ianya mengandungi syor dan strategi khusus yang perlu diambil oleh Malaysia dan

melibatkan pendirian Malaysia di dalam rundingan TPP yang sedang berlangsung.

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan akan terus memastikan bahawa manfaat daripada penyertaan dalam TPP untuk negara adalah jauh melebihi kosnya. Kerajaan akan terus melindungi kepentingan Malaysia dalam rundingan yang penting ini. Perunding-perunding tidak akan mengorbankan hak Kerajaan untuk terus menentukan hala tuju kita sendiri dalam usaha mencapai pertumbuhan ekonomi, penstrukturan semula sosio-ekonomi bagi status negara maju.

Rundingan yang kini telah melalui 17 pusingan rundingan sedang berjalan dengan lancar. Rundingan keatas bidang-bidang teknikal dalam 13 Bab boleh dianggap telah dimuktamadkan secara substantif. Walaubagaimanapun, masih terdapat isu-isu tertunggak yang sensitif yang memerlukan keputusan politik.

Pada masa ini, semua perunding sedang berusaha untuk memuktamadkan rundingan secara substantif pada Oktober 2013 dan memuktamadkan rundingan dalam tahun

yang sama seperti yang ditetapkan oleh Pemimpin TPP. Walaubagaimanapun, ini akan bergantung besar kepada fleksibiliti yang akan ditunjukkan oleh negara-negara anggota TPP yang lain, terutama ke atas isu-isu yang dianggap penting oleh Malaysia.

Disediakan oleh:

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri